

16 DEC 1997

Sidang-Perpaduan

SIDANG KEMUNCIAK ASIA TIMUR ERATKAN HUBUNGAN SERANTAU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Sidang kemuncak Asia Timur yang berakhir di sini hari ini telah mengeratkan rantau ini untuk bersama menangani masalah kewangan yang telah menggugat beberapa negara Asia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya mesyuarat antara para pemimpin Asean dan ketua-ketua negara China, Jepun dan Korea Selatan telah menyedarkan mereka mengenai masalah itu.

"Terdapat suatu perasan perpaduan kerana kesemuanya telah menderita daripada sejenis penyakit yang berpunca daripada virus yang sama," kata Dr Mahathir pada sidang berita di akhir mesyuarat itu di sini.

Katanya disebabkan masalah ekonomi kini, negara-negara Asia Timur telah didesak bersama untuk berusaha menanganinya.

"Dan ada hasrat untuk bertemu lagi. Terdapat desakan kuat untuk mengadakan pertemuan itu lebih awal, mungkin tahun depan," kata Dr Mahathir, pengerusi sidang itu.

Beliau telah memberitahu persidangan berita semalam bahawa para pemimpin Asia Timur telah bersetuju untuk bertemu lagi kemungkinan sebelum mesyuarat Asia-Eropah (Asem) April tahun depan.

Sambil menyifatkan ini sebagai sesuatu yang baru, beliau berkata pada masa lalu adalah dirasakan bahawa negara-negara timur laut Asia (China, Jepun dan Korea Selatan) tidak harus dilihat bergaul terlalu rapat dengan Asean.

"Tetapi kini perasaan yang wujud adalah bahawa kita perlu melakukan sesuatu mengenainya," katanya.

Semasa ditanya sama ada keputusan para pemimpin Asia Timur untuk bertemu lagi mencerminkan hasrat bersungguh-sungguh bagi mengadakan perjanjian ekonomi yang bermakna antara mereka pada masa depan, Dr Mahathir berkata "elemen-elemen ekonomi" itu telah mendesak mereka untuk bersama.

Dr Mahathir juga berkata anggapan bahawa "jika mata wang diturunkan nilai, ia akan menjadi lebih kompetitif" tidak benar dan menjelaskan keadaan sebenarnya.

Katanya: "Di negara-negara Asia Tenggara, apa yang kita keluarkan dan eksport biasanya mengandungi banyak kandungan import dan kandungan import itu selalunya akan melonjakkan harga lebih tinggi berbanding tahap atau peratus penurunan nilai.

"Dan selepas itu pekerja-pekerja (di rantau ini) akan meminta upah lebih tinggi kerana akan berlaku kenaikan pada harga barangan import pengguna. Apabila upah naik, kelebihan yang ada akan hilang.

"Akhirnya boleh dikatakan tidak akan ada langsung kelebihan daripada penurunan nilai kecuali bagi kerugian yang kita perlu bayar," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata sidang kemuncak itu telah membuatkan ramai orang memahami masalah mata wang yang dihadapi rantau ini.

"Kini orang lebih memahami kita, bahaya ia (masalah mata wang) itu tidak akan hilang begitu saja. Bila kita telah kehilangan berbilion dollar, kita tidak akan memperolehinya semula," katanya semasa ditanya sama ada beliau rasa sidang kemuncak itu menghasilkan kemajuan dalam menangani masalah mata wang itu.

Ditanya sama ada beliau berpendapat sidang kemuncak itu boleh melakukan lebih daripada itu untuk menangani krisis berkenaan, Dr Mahathir berkata apapun keputusan yang diambil pada sidang kemuncak itu adalah cukup baik.

"Saya tidak nampak bagaimana sidang kemuncak ini boleh berbuat lebih daripada itu...saya tidak fikir sesiapa pun sebenarnya boleh melakukan lebih daripada itu. Saya terima itu," katanya.

Mengenai peranan Jepun dalam membantu negara-negara yang terjejas oleh krisis kewangan itu, Dr Mahathir berkata Jepun akan terus memainkan satu peranan "mungkin bukan sebagai ketua."

"Jepun jelas merupakan sebuah negara yang makmur (di rantau ini), ia mempunyai teknologi dan boleh menyediakan latihan untuk kita. Jadi, ia boleh terus memainkan peranan," katanya.

Ditanya sama ada ketidakhadiran Presiden Indonesia Suharto telah menjejaskan sidang kemuncak itu, Perdana Menteri berkata Menteri Luar Ali Alatas, yang mewakili Suharto, telah dapat menyuarakan pendapat Jakarta secara berkesan.

"Ketidakhadirannya (Suharto) memang dirasai kerana beliau mewakili negawaran yang lebih senior dan seorang daripada pemimpin yang paling lama berkhidmat dalam pertubuhan kami. Selalunya nasihat beliau dihormati dan didengari (oleh kami)," katanya. -- BERNAMA

TM RON